

07 SEP 1999

Pameran

PAMERAN MOTOR DAN KERETA KLASIK ANTARABANGSA SEMPENA FORMULA ONE

SEPANG, 7 Sept (Bernama) -- Satu pameran Motor dan Kereta Klasik Antarabangsa `99 sempena sukan Formula One akan diadakan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa (ITECS) Subang pada 2 hingga 24 Okt.

Malaysia akan menjadi tuanrumah bagi perlumbaan Formula One Petronas Grand Prix pada 15 hingga 17 Okt.

Pameran motor dan kereta klasik itu dianjurkan oleh Malaysia Airports Management and Technical Services Sdn Bhd, anak syarikat Malaysia Airports Berhad.

Pengerusi Malaysia Airports Tan Sri Basir Ismail berkata pameran itu dikelolakan bersama Esparit Automobile Sdn Bhd, Europel Sdn. Bhd, TVR Sports Sdn Bhd, MSCVR (Malaysia- Singapore Classic and Vintage Car Registered), Porsche Club dan Alpha Romeo.

"Mereka bersetuju untuk bekerjasama bagi menjayakan pameran ini serta menjadikannya sebagai satu pertunjukan motorsports masa kini yang paling unggul di Malaysia," katanya pada majlis menandatangani perjanjian bagi penganjuran pameran itu.

ITECS bertempat di Terminal Satu, Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang yang diubahsuai menjadi pusat pameran antarabangsa dengan keluasan lantai 39,000 meter persegi.

"Ditambah dengan keluasan untuk pameran luar seluas 130,000 meter persegi menjadikan ITECS sebagai pusat pameran terbesar di Malaysia sekarang. Pihak Malaysia Airports sedang berusaha memperkenalkan ITECS ke merata dunia dan ia akan muncul sebagai pusat pameran terulung di masa-masa akan datang," katanya.

Pameran ini merupakan penganjuran pertama Malaysia Airports dan ia bercadang akan menjadi penganjur bagi tahun-tahun berikutnya sempena sukan Formula One.

Pameran Motorsports 1998 yang berjaya menarik lebih 50,000 orang pengunjung pada tahun lalu dianjurkan Le Proton Lima.

Sukan Formula One akan turut dimeriahkan dengan Minggu Motorsports yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Antara aturcara menarik sepanjang minggu itu ialah Sepang 4x4 Challenge `99, Kejuaaan Go-Kart Sepang 199 dan Kejohanan Grand Prix Golf.

-- BERNAMA

JAY RON